

# Ikan sejuk beku beri pilihan

## kepada pengguna

SH 28/5/2022 MS: 11

**SHAH ALAM** - Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) menyediakan pelan pembekalan ikan sejuk beku iaitu QFish bagi memberi pilihan kepada pengguna mendapatkan bekalan ikan.

Unit Komunikasi Korporat LKIM dalam kenyataan berkata, pelan tersebut merupakan langkah jangka pendek bagi memastikan harga ikan dalam pasaran kekal stabil susulan kekurangan dari segi bekalan ayam dalam pasaran.

“Bagaimanapun, faktor bekalan barangan pengganti lain seperti ayam, telur ayam dan daging turut berkait rapat terhadap keseimbangan permintaan dan penawaran ikan di pasaran.

“LKIM akan memantau dengan lebih dekat situasi semasa bekalan ikan dan harga ikan dalam pasaran bagi memastikan langkah-langkah untuk menjamin bekalan harga kepada rakyat,” katanya dalam kenyataan pada Khamis.

Pada Rabu, *Sinar Harian* melaporkan kenaikan harga ikan meningkat sehingga 15 peratus selepas sambutan Hari Raya Aidilfitri menyebabkan peniaga dan pembeli resah serta risau terhadap kenaikan yang lebih tinggi pada masa akan datang.

Kenaikan itu juga dilaporkan seiring dengan peningkatan harga barangan semasa kini menyebabkan peniaga terpaksa akur walaupun sedikit sebanyak menjejaskan perniagaan mereka.

Dalam pada itu, menurut kenyataan berkenaan, LKIM telah menjalankan pemantauan bekalan dan harga di pusat-pusat pendaratan ikan, pasar borong dan runcit di seluruh negara.

Berdasarkan analisis data yang diperoleh dan perbandingan trend bekalan ikan beberapa tahun ini,

ia menunjukkan sedikit penurunan dari segi penawaran bagi segmen pendaratan ikan marin laut sebanyak 15 peratus bagi minggu pertama sehingga ketiga Mei 2022 berbanding bulan sebelumnya.

“Penurunan bekalan ini adalah situasi biasa bersifat sementara dan ia adalah selari dengan pola pendaratan tahun-tahun sebelum ini disebabkan aktiviti penangkapan ikan yang berkurang sepanjang minggu akhir Ramadan dan dua minggu pertama Syawal yang jatuh pada minggu akhir April dan awal Mei tahun ini.

“Jika dilihat pada data pendaratan ikan antara tahun 2016 sehingga 2021 pada bulan Jun kebiasaannya akan mula menunjukkan trend peningkatan pendaratan diikuti bulan seterusnya dan akan mencapai kemuncak sekitar September atau Oktober,” ujarnya.

Jelasnya, peningkatan harga ikan peringkat borong dan runcit dipengaruhi oleh penawaran bekalan ikan yang menurun pada tempoh yang tersebut dan dijangka kembali stabil apabila penawaran bekalan itu mula meningkat.

**KENYATAAN MEDIA**

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)  
1163A LKIM, Jalan Deras, Pulau Merang  
47100 PUCHONG, SELANGOR

Tel: 03-8048000 / 9188

**ISU KENAIKAN HARGA IKAN DI PASARAN**

1. Menga kepada laporan akhir Berita Harian bertarikh 22 Mei 2022 bertajuk "Pendaratan Ikan Kurang, Harga Meningkat" dan laporan akhir Sinar Harian bertarikh 23 Mei 2022 "Ikan laut belaka anjak, mas pula naik harga", Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) mengesahkan bahawa ikan pelbagai jenis diangkut ke dan ke luar mengikut syarat semulajadi.
2. LKIM akan memantau pemantauan bekalan dan harga di pusat-pusat pendaratan ikan, pasar borong dan runcit di seluruh negara. LKIM akan memantau dan perbandingan trend bekalan ikan dan beberapa faktor berkaitan dengan peningkatan harga ikan di pasaran. LKIM akan memantau harga ikan pelbagai jenis yang dijual pada minggu awal April dan awal Mei tahun ini.
3. Pemantauan bekalan ini adalah situasi biasa bersifat sementara dan ia adalah selari dengan pola pendaratan tahun-tahun sebelum ini disebabkan aktiviti penangkapan ikan yang berkurang sepanjang minggu akhir Ramadan dan 2 minggu pertama Syawal yang jatuh pada minggu akhir April dan awal Mei tahun ini.
4. Jika dilihat pada data pendaratan ikan antara tahun 2016 sehingga 2021 pada bulan Jun kebiasaannya akan mula menunjukkan trend peningkatan pendaratan diikuti bulan seterusnya dan akan mencapai kemuncak sekitar September atau Oktober.

**Kenyataan media LKIM**